



# PERSATUAN MEMANAH KEBANGSAAN MALAYSIA

## GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN HAKIM MEMANAH MALAYSIA UNTUK KEJOHANAN MEMANAH TEMPATAN

---

### PENDAHULUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menyelaraskan perkhidmatan Hakim Memanah Malaysia di kejohanan memanah tempatan (Indoor & Outdoor Target Archery) seperti berikut:
  - a. Pematuhan peraturan dan undang-undang memanah yang terkini dan seragam sepertimana ditetapkan oleh World Archery Federation (WA).
  - b. Memastikan hanya Hakim Memanah yang berkelayakan sahaja dipanggil untuk penugasan mengikut tahap kelayakan dan taraf kejohanan.
  - c. Penggiliran penugasan Hakim-hakim Memanah mengikut lokaliti atau zon di mana kejohanan memanah dianjurkan.
  - d. Elaun hakim memanah yang disarankan mengikut kepegawaian, tahap kelayakan dan juga taraf kejohanan.
  - e. Pengiktirafan terhadap rekod baru kebangsaan di sesuatu kejohanan memanah tempatan.

### TARIKH KUAT KUASA

2. Bermula pada **01 November 2021**, semua kejohanan memanah tempatan (OUTDOOR dan INDOOR) disyaratkan untuk menggunakan perkhidmatan Hakim Memanah yang diiktiraf oleh NAAM.
3. Senarai hakim memanah yang berdaftar mengikut Negeri, ATM, PDRM dan MASUM, boleh diperolehi di portal <https://judge.masarchery.org/senarai-hakim/>.

### TAHAP KELAYAKAN HAKIM MEMANAH

4. Tahap kelayakan kehakiman untuk sesuatu peringkat kejohanan adalah seperti berikut:
  - a. Peringkat Kebangsaan / Terbuka:



- i. Competition Manager : National Judge.
- ii. Juri : National Judge
- iii. CoJ : Continental Judge / CoJ Bertauliah.
- iv. DoS : National Judge / DoS bertauliah.
- v. Hakim : National Judge.

b. Peringkat Negeri:

- i. CoJ : National Judge / CoJ bertauliah.
- ii. DoS : State Judge / DoS bertauliah.
- iii. Hakim : State Judge.

**KEPERLUAN MINIMA HAKIM MEMANAH**

5. Jumlah minima hakim memanah yang diperlukan untuk sesuatu kejohanan adalah mengikut kepada jumlah penyertaan kejohanan seperti berikut:

Jumlah Peserta	TD / CM	CoJ	DoS	Deputy DoS	Hakim
> 350	1	1	1	1	12
> 250	1	1	1	1	10
> 150	1	1	1	1	8
< 150	1	1	1	1	8

**PENUGASAN HAKIM MEMANAH MENGIKUT LOKALITI / ZON**

6. NAAM mempraktikkan konsep penggiliran penugasan hakim mengikut lokaliti masing-masing. Bagi tujuan ini, penugasan hakim akan dibahagikan kepada beberapa Zon seperti berikut:

ZON A	ZON B	ZON C	Sabah & WP Labuan	Sarawak
Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak & Kelantan	Selangor, Negeri Sembilan, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, ATM, PDRM & MASUM	Johor, Melaka, Pahang & Terengganu		
KETUA ZON				
Faizilnizam Ibrahim	Pauzi Ahmad	Mohd Harun Hamzah	Siti Cynthia Dewi	Michael Jerigen Kadap

7. Ketua-ketua Zon terbabit akan menyusun atur penggiliran hakim untuk penugasan di kejohanan-kejohanan memanah yang dianjurkan di zon-zon yang dinyatakan.



## ELAUN HARIAN HAKIM MEMANAH

8. Sebagai panduan, elaun harian kehakiman dan syarat-syarat yang **disarankan** oleh NAAM mengikut kepegawaian, tahap kehakiman dan taraf kejohanan adalah seperti berikut:

### a. Outdoor Target Archery (Siang sahaja).

Tahap	ELAUN HARIAN				
Kejohanan	TD / CM	CoJ	DoS	Deputy DoS	Hakim
Antarabangsa	200.00	200.00	150.00	100.00	120.00
Kebangsaan	150.00	150.00	120.00	80.00	100.00
Negeri	120.00	120.00	100.00	80.00	80.00
<ul style="list-style-type: none"><li>Elaun Perjalanan RM 100.00 seorang.</li><li>Penginapan dan makanan disediakan oleh pihak penganjur.</li><li>Penginapan adalah kelas "twin sharing".</li><li>"Check-in" sehari sebelum dan "check-out" sehari selepas kejohanan (<i>kecuali CM dan CoJ perlu berada 1 hari lebih awal dari untuk memantau persiapan padang</i>).</li></ul>					

### b. Indoor Target Archery (Siang dan malam).

Tahap	ELAUN HARIAN				
Kejohanan	TD / CM	CoJ	DoS	Deputy DoS	Hakim
Antarabangsa	200.00	200.00	150.00	100.00	150.00
Kebangsaan	200.00	200.00	150.00	100.00	150.00
Negeri	120.00	120.00	100.00	80.00	100.00
<ul style="list-style-type: none"><li>Elaun Perjalanan RM 100.00 seorang.</li><li>Penginapan dan makanan disediakan oleh pihak penganjur.</li><li>Penginapan adalah kelas "twin sharing".</li><li>"Check-in" sehari sebelum dan "check-out" sehari selepas kejohanan (<i>kecuali CM dan CoJ perlu berada 1 hari lebih awal dari untuk memantau persiapan padang</i>).</li></ul>					

## PERMOHONAN KHIDMAT HAKIM MEMANAH

9. Penganjur kejohanan dikehendaki memohon perkhidmatan hakim memanah ke NAAM dan maklumat yang diperlukan adalah seperti berikut:

- Nama Kejohanan.
- Taraf Kejohanan (Antarabangsa / Kebangsaan / Terbuka / Negeri).
- Tarikh Kejohanan.
- Lokasi Kejohanan.
- Anggaran Jumlah Penyertaan Atlet.



10. Permohonan khidmat hakim memamah hendaklah di hantar sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh pertandingan melalui email kepada [honsecretary@masarchery.org](mailto:honsecretary@masarchery.org) dan [judging@masarchery.org](mailto:judging@masarchery.org).
11. Hakim-hakim memamah dilarang bertugas di kejohanan-kejohanan yang tidak di sanksi / diiktiraf oleh NAAM atau Persatuan Negeri / Ahli Gabungan.
12. Kelonggaran walaubagaimanapun diberikan untuk kejohanan memamah yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Agensi-agensi Kerajaan.
13. Khidmat Hakim Memamah dari Luar Negara bagi kejohanan memamah tempatan adalah tidak dibenarkan.

#### **PENUTUP**

14. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk membantu penganjur kejohanan memamah dari segi aspek kehakiman dan juga menentukan keseragaman peraturan dan undang-undang memamah.
15. Maklumat lanjut berkenaan dengan Hakim Memamah Malaysia dan juga Senarai Hakim Memamah mengikut Negeri / Ahli Gabungan boleh dicapai di Portal Hakim Mamanah Malaysia <https://judge.masarchery.org/>.

Sekian, terima kasih.

19 Oktober 2021

**DATO' HJ ABDUL HAMID BIN HASAN**  
Presiden  
Persatuan Memamah Kebangsaan Malaysia

**MEJAR (B) HJ AMIR SUHARMAN BIN ADNAN**  
Pengerusi  
JK Kehakiman Memamah